

GELANDANGAN menjadikan kaki lima bangunan sebagai tempat berteduh.



Kanak-kanak ini tidak nampak dunia luar kerana terbelenggu sebagai penghuni lorong gelap”

Azhan Adnan

KANAK-KANAK JALANAN PENGHUNI

MEREKA ADA IMPIAN

Kuala Lumpur

Impian kanak-kanak berkulit sawo matang ini sungguh besar iaitu ingin merealisasikan minatnya dalam seni lukisan dengan memiliki galeri seni sendiri di tengah ibu kota satu hari nanti.

Meminati seni visual sejak berusia enam tahun, anak kelahiran Kuala Lumpur berusia 12 tahun itu memasang impian tersebut dengan menginspirasi beberapa pelukis terkenal negara termasuk pempengaruh yang menentang bakat seni lukis mereka di media sosial.

Namun, melihat kepada kehidupan yang dilalui kanak-kanak yang banyak menghabiskan masa di jalanan dengan menjadikan kawasan Chow Kit, Lorong Haji Taib hingga Kampung Baru sebagai 'taman permainan' mereka dari petang hingga awal pagi, menimbulkan satu persoalan mampukah impian itu terlaksana sekiranya tiada 'tangan' yang membantu?

"Keluarga tidak mampu hantar ke kelas seni dan kerana itu, saya akan belajar teknik melukis dari TikTok dan YouTube. Biasanya, lukisan jenis potret, pemandangan, abstrak antara yang saya minat untuk dihasilkan.

"Saya juga minat teknik lukisan minyak selain suka lukisan mural dan pernah juga terlibat dalam beberapa projek mural di

Kuala Lumpur (bukan nama s

Situasi seperi kanak-kanak di himpit kemisk bilik kecil, tid ekonomi dan s

Malah menu luinya walaupun masyarakat lap, namun ar ripada lima b jadinya ia seba mangat untuk bidang seni ba nya keluar dar lorong melalui

"Walaupun kisan tidak sar ayah tidak m diakannya seti juga saya cari t melukis di Buk kerana ada ad bahan nak luki

"Saya mema keluar dari kav jadi pelukis te sama kawan-k lihat sendiri p pertimana ora

LORONG GELAP

PUN AN!

dan luar," kata Dhani Ahmad (bukan nama s ti Dhani bukan luar biasa bagi i sekitar Chow Kit yang di-inan dan terpaksa tinggal di ak selesa disebabkan faktor osial keluarga.

urut Dhani, kehidupan dilan sering dikait sebagai sisi ge- rak keempat da- eradik ini men- gai pembakar se- terus mendalami gi membolehkan pada kehidupan hasil karya seni.

"Walaupun harga kertas lunpai RM30 tetapi ampu untuk se- ap masa. Pernah luit lebih dengan it Bintang tetapi tidak selalu ik kena jaga selain tidak ada s.

ng mempunyai impian untuk van gelap ini dengan men- kenal suatu hari nanti. Ber- awan di Chow Kit, saya me- elbagai ancaman di sini, se- ng kaitkannya dengan kawa-

san hitam. Tetapi, saya tidak yakin dapat keluar dari kawasan ini," katanya sambil menambah dia dan adik-beradik serta bapanya menyewa sebuah bilik di Kampung Baru.

Berjalan kaki kira-kira lapan kilometer setiap hari dari bilik sewa ke 'taman permainan' tersebut, Dhani yang bersekolah di Sekolah Bimbingan Jalanan Kasih (SBJK) di Chow Kit, akan bersama kanak-kanak senasib menghabiskan masa melepak sambil menunggu bantuan makanan selain bermain bola, basikal dan sebagainya dari 4 petang hingga dua atau tiga pagi.

Kediaman sempit yang didiami kanak-kanak lelaki itu turut dirasai majoriti kanak-kanak di situ yang ibu bapa mereka hanya mampu menyewa bilik dengan keluasan sangat kecil kira-kira 3.04 x 3.04 meter persegi dan perlu dikongsi bersama adik-beradik selain ada memilih hidup sebagai gelandangan.

"Memanglah takut lepak sampai awal pagi sebab kami pernah lari menyelamatkan diri daripada diculik. Banyak kali situasi ini berlaku tetapi kami tetap datang sini sebab tidak ada pilihan," kata Arif Aiman, 12, yang juga kawan baik Dhani.

Walaupun selesa dengan kehidupan dilaluinya, namun dia juga menyimpan impian untuk memiliki kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang.

"Saya ingin menjadi pegawai polis... Saya nak benteras jenayah yang ada di sekitar kawasan ini dan jenayah-jenayah lain," kata anak kelima daripada 10 beradik yang tinggal bersama bapa dan ibu tirinya di Lorong Haji Taib.

Memang sukar dan polemik kemiskinan yang bagai tiada penghujung ini antaranya disebabkan kesedaran rendah dalam kalangan ibu bapa akan kepentingan pendidikan, kurangnya nilai rohani dan agama serta

tiada dokumen pengenalan diri menjadi faktor utama mengekang mereka keluar dari kawasan ini, kata pengasas dan ketua aktivis Pertubuhan Jejak Jalanan Azhan Adnan.


Beliau yang turut dikenali sebagai 'abbe' berada di situ hampir setiap malam selama lebih dua tahun sejak berakhirnya pandemik Covid-19 dan keakrabannya bersama penghuni di situ begitu terserlah khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang memangginya 'abah'.

Mendampingi mereka, dia melihat sendiri akan kesukaran penghuni di situ keluar daripada persekitaran hitam yang sering kali dikaitkan dengan pelbagai penyakit sosial dan tidak mustahil situasinya akan membarah sekiranya tiada langkah progresif dan proaktif diambil segera.

"Berdasarkan data yang dikumpul, ketika ini terdapat lebih 70 kanak-kanak jalanan di kawasan ini. Tetapi, tidak mustahil jumlah sebenarnya lebih daripada itu kerana kanak-kanak jalanan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa, sama ada penghuni di sini yang melahirkan anak ataupun mereka dari negeri lain berhijrah ke sini.

"Seperti kita ketahui, ada yang mempunyai dokumen kerakyatan dan ada tidak dan mereka bersekolah di SBJK milik kerajaan ataupun yang dijalankan NGO (badan bukan kerajaan). Namun, selepas tamat persekolahan, mereka ke mana? Itu tidak dititikberatkan dan sebab itu, kebanyakan anak-anak ini tercicir," katanya.

Kemiskinan menghimpit dengan gaji



KAKI lima bangunan menjadi tempat makan, tidur, bermain dan berehat bagi kanak-kanak ini.

harian yang begitu rendah sehingga terpaksa bergantung bantuan makanan mahupun barangan dapur, menjadikan mereka lebih mengutamakan penyediaan makanan buat keluarga berbanding pembelajaran anak-anak.

Justeru, ketika ditanya masa depan anak-anak ini apabila dewasa, Azhan berkata mereka bukan sahaja akan terus menetap di situ sebagai ahli masyarakat tetapi juga mewarisi kemiskinan dan sisi kehidupan bapa dan ibu mereka.

"Kanak-kanak ini tidak nampak dunia luar kerana terbelenggu sebagai penghuni lorong gelap. Sekiranya kerajaan tidak campur tangan, tidak mustahil situasi ini akan tambah membarah dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.

"Sudah tiba masanya, nasib kanak-kanak lorong ini wajar diberi perhatian serius apatah lagi kerajaan Madani pernah menyuarakan komitmen mereka memerangi masalah keciciran pelajar. Hanya pendidikan yang dapat mengubah mereka" katanya.



KEHIDUPAN dilalui kanak-kanak yang banyak menghabiskan masa di jalanan dengan menjadikan kawasan Chow Kit, Lorong Haji Taib hingga Kampung Baru sebagai 'taman permainan' mereka.

GELANDANGAN dan kanak-kanak menunggu makanan yang dibawa oleh NGO dan orang awam.